

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**AMALAN DAKWAH MELALUI
PENULISAN DALAM KALANGAN
GURU PENDIDIKAN ISLAM
SEKOLAH MENENGAH**

SITI ZAKIAH BINTI BAHRON

Tesis yang dikemukakan bagi memenuhi keperluan
Untuk Ijazah
Sarjana Pengajian Islam Kontemporari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Jun 2023

ABSTRAK

Dakwah melalui penulisan sangat diperlukan dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI). Ini kerana GPI bukan sahaja berperanan sebagai *murabbi*, *mudarrib*, *muraji'*, *muaddib* dan *mudarris* dalam bidang akademik semata-mata bahkan berperanan dalam memberi pengisian yang bermanfaat kepada pembaca khususnya murid di sekolah. Walau bagaimanapun, penglibatan GPI dalam aktiviti penulisan kurang mendapat sambutan. Situasi ini disebabkan kekangan masa GPI di sekolah dan kekurangan panduan penulisan yang bermanfaat oleh pendakwah. Pemahaman GPI terhadap makna dakwah melalui penulisan, strategi serta faktor pendorong kepada penglibatan GPI dalam dunia penulisan dakwah akan memudahkan mereka menyampaikan dakwah Islamiah dan secara tidak langsung dapat memperkasa profesion perguruan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka kefahaman GPI terhadap makna dakwah melalui penulisan serta strategi yang digunakan dalam membudayakan penulisan dakwah. Seterusnya faktor-faktor pendorong dalam melaksanakan amalan penulisan in turut diteliti secara mendalam. Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes. Data dikumpulkan menggunakan temu bual dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti 22.2.4.0. Pemilihan peserta kajian adalah secara pensampelan bertujuan iaitu seramai enam orang GPI yang aktif menulis di semenanjung Malaysia. Kajian mendapati GPI mempunyai kefahaman yang jelas tentang makna dakwah melalui penulisan berdasarkan tema yang terbentuk iaitu; alternatif dakwah, matlamat penulisan dan sasaran penulisan. GPI didapati mengaplikasi strategi penulisan dakwah melalui teknik penulisan, jenis penulisan serta pendekatan bahasa. Dapatan mengenai amalan penulisan ini menunjukkan keselarian antara kefahaman guru dengan strategi dalam penulisan. Kejayaan sebagai penulis dakwah dipengaruhi oleh faktor pendorong yang terdiri daripada faktor dalaman dan faktor luaran. Amalan menulis dalam kalangan GPI perlu diterapkan sebagai mekanisme dakwah di samping meningkatkan profesionalisme perguruan. Dapatan kajian ini dapat mengembangkan lagi konsep dakwah melalui penulisan dan menghasilkan satu model amalan dakwah melalui penulisan serta kerangka model penulisan dakwah berdasarkan pendekatan bahasa. Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan untuk melahirkan ramai penulis baharu dalam kalangan GPI serta penulis dakwah novis dalam masyarakat.

PENGHARGAAN

"Ya Allah, Allahu Musta'an! Tidak ada daya melainkan dengan bantuanMu Ya Allah, tidak ada kemudahan bagiku kecuali apa yang Engkau kehendaki ianya menjadi mudah. Sesungguhnya Engkaulah tuhan yang maha berilmu dan bijaksana, tuhan yang maha berkuasa atas segala sesuatu"

Penghargaan yang tidak terhingga saya tujukan kepada Dr. Nursafra binti Mohd Zhaffar dan Ustaz Ahmad Faiz Hj Ahmad Ubaidah selaku penyelia yang begitu sabar dan tanpa rasa jemu melayan karenah saya dalam menyiapkan tesis ini. Hakikatnya, kajian ini bukan sekadar setitik ilmu pengetahuan yang dapat ditimba, malah pengalaman yang diharungi melalui proses penyeliaan dan perkongsian serta pengorbanan masa, tenaga, kemesraan, kasih sayang, rakan kemurungan dan kegembiraan secara tidak langsung telah menjadi teladan yang amat berharga dan sukar untuk dilupakan.

Tidak ketinggalan ucapan jutaan terima kasih saya kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberi biasiswa HLP dan peluang belajar sepenuh masa. Jutaan terima kasih juga atas bantuan dan kerja sama daripada pihak Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah dan Kampus Rembau, Jabatan Pendidikan di peringkat Negeri, Daerah dan sekolah. Seterusnya, individu yang terlibat secara langsung selaku peserta kajian yang telah memberi makna yang besar dalam kajian ini. Semoga Allah memberikan ganjaran dan memberkati sumbangan yang telah diberikan. Seterusnya, sokongan suami tersayang,

bonda ayah

dan ibu mertua

atas doa dan sokongan

mereka. Sesungguhnya kasih sayang, belas kasihan, tanggungjawab, penghargaan dan pengorbanan yang dikongsikan bersama menyuntik suatu semangat buat saya untuk tabah dalam pengajian ini.

Tidak ketinggalan kepada anak-anak yang dikasihi

karenah anak-anak adalah ujian di sebalik pencetus semangat sebagai kekuatan rohani. Tidak lupajuga kepada rakan-rakan seperjuangan HLP 2021. Ucapan terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. S. Salahuddin bin Suyurno dan Dr. Norhapizah binti Mohd Burhan serta pakar penilai lain dalam tesis ini yang membantu sepanjang proses pembentangan proposal, sesi pra viva dan viva yang sentiasa membenihkan semangat dan dorongan. Semoga "penerokaan ilmu" ini menjadi pencetus semangat untuk diteruskan kepada generasi akan datang. Semoga Allah meredhai dan memberkati segala yang kita usahakan sepanjang perjalanan kehidupan ini, Insyaallah.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
JADUAL TRANSLITERASI	xiv
SENARAI SINGKATAN	ii
BAB SATU PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Limitasi Kajian	8
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	9
1.8 Kepentingan Kajian	11
1.8.1 Latihan Pemantapan Profesionalisme	12
1.8.2 Membina Minda dan Jiwa Masyarakat	12
1.8.3 Pengembangan Potensi dan Bakat GPI	13
1.9 Definisi Operasi	13
1.9.1 Amalan	13
1.9.2 Dakwah Melalui Penulisan	13
1.9.3 Guru Pendidikan Islam	14
1.10 Rumusan	14

BAB DUA SOROTAN LITERATUR	15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Dakwah	15
2.2.1 Definisi Dakwah	15
2.2.2 Metode Dakwah	19
2.2.3 Rukun Dakwah	23
2.3 Dakwah Melalui Penulisan <i>{Bil Qalam}</i>	27
2.3.1 Defmisi Dakwah Melalui Penulisan	27
2.3.2 Sejarah Dakwah Melalui Penulisan	28
2.3.3 Matlamat Dakwah Melalui Penulisan	31
2.3.4 Strategi Dakwah Melalui Penulisan	34
2.4 Teori dan Model Berkaitan	38
2.4.1 Pendekatan Komunikasi Dakwah Menumbuhkan Al-Quran	38
2.4.2 Pendekatan Komunikasi Dakwah Mengikuti Sunnah Rasulullah is	40
2.4.3 Teori Keilmuan Berdasarkan Surah al-Qalam	42
2.4.4 Model Dakwah	43
2.5 Guna Pendidikan Islam Sebagai Pendakwah <i>{Da'}</i>	47
2.6 Guna Pendidikan Islam <i>{Da'}</i>) Dalam Penulisan Dakwah	49
2.7 Kajian-Kajian Berkaitan	60
2.8 Rumusan	62
BAB TIGA METODOLOGI	64
3.1 Pengenalan	64
3.2 Reka Bentuk Kajian	64
3.2.1 Pendekatan Kualitatif	64
3.2.2 KajianKes	65
3.2.3 PesertaKajian	66
3.3 Prosedur Pengumpulan Data	68
3.4 KajianPraLapangan	70
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	71
3.5.1 TemuBual	72
3.5.2 Analisis Dokumen	74
3.6 PentadbiranKajian Sebenar	76